

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 4, 2019 11:07 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Career Fair Buka Peluang Pekerjaan – Gamit Lebih 1,500 Pengunjung



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

4 MAC 2019 / 27 JAMADILAKHIR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

CAREER FAIR BUKA PELUANG PEKERJAAN – GAMIT LEBIH 1,500 PENGUNJUNG



UUM ONLINE: Orang ramai terutamanya yang masih mencari kerja dan tempat praktikum tidak melepaskan peluang memeriahkan Career Fair UUM 2019 yang berlangsung selama dua hari mulai 3 Mac di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah.

Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Dr. Awan Ismail berkata, sebanyak 24 buah syarikat mengambil bahagian dalam memeriahkan Career Fair anjuran CDC yang berakhir hari ini.

Antaranya Malayan Banking Berhad (MAYBANK), Air Asia Global Shared Services Sdn Bhd (Air Asia), Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, OCBC Bank (M) Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

“Sambutan kali ini cukup meriah kerana dalam masa tiga jam kita menerima lebih 1,500 pengunjung, selain menerima banyak penyertaan termasuk syarikat konglomerat, warga kampus dan pihak luar,” katanya.

Ujarnya, program itu juga menyediakan platform untuk berinteraksi dengan syarikat multinasional dalam membina rangkaian selain mempromosikan UUM kepada masyarakat mengenai Universiti di Rimba Hijau.

“Kita cukup berbesar hati apabila syarikat besar sedia untuk mengambil pelajar menjalani praktikum dan bekerja di syarikat mereka memandangkan pelajar kita mempunyai kemahiran yang baik dan *multitasking*,” katanya.

Jelasnya, program itu juga berjaya menarik pelajar Institusi Pengajian Tinggi di zon utara, khususnya pelajar UUM yang mencari kerja dan tempat untuk menjalani praktikum.

“Program ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang peluang pekerjaan dan temuduga terbuka yang dikendalikan oleh syarikat terlibat.

“Career Fair turut mengasah bakat kepimpinan, kemahiran insaniah dan komunikasi yang perlu ada dalam diri pelajar agar selaras dengan kehendak pasaran masa kini.

“Saya berharap kerjasama ini akan berterusan dan pelajar UUM terus diberi kesempatan bukan sahaja menjalani praktikum malah diberi kepercayaan untuk menjadi kakitangan tetap di organisasi berkenaan kelak,” katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali turut hadir menyampaikan sijil penghargaan kepada semua syarikat yang mengambil Bahagian dalam Career Fair kali ini.

Sementara itu, Pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat, Nur Aimi Che Man, 24, berkata, program ini sangat bagus terutamanya bagi golongan pelajar semester akhir seperti nya untuk mencari tempat praktikum dan menyerahkan resume kepada syarikat yang berkaitan.

Menurutnya lagi, dengan adanya booth *walk-in resume*, dia telah mendapat nasihat yang tepat dan tidak lagi risau tersalah mengisi maklumat di dalam resume.

“Dari situ, saya banyak mempelajari selok-belok berkenaan dengan bidang kerjaya dan Career Fair menjadi pilihan kerana saya dapat berkenalan dengan syarikat yang terlibat selain terdedah kepada dunia kerjaya.

“Perkara baharu yang dipelajari bagaimana saya berkomunikasi dengan syarikat-syarikat luar serta melatih diri supaya yakin berhadapan dengan orang luar,” kongsinya.

Menurutnya, manfaat program ini membuka minda para pengunjung terutama sekali kepada pelajar UUM tentang bidang kerjaya dan peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam penempatan pekerjaan dan praktikum.

“Dulu saya seorang yang lemah dalam pengurusan diri tetapi sekarang dengan menjadi sukarelawan CDC saya semakin agresif dan mampu membuat kerja dengan lebih cekap dan berkesan,” katanya yang mula menjadi sukarelawan Career Fair sejak semester dua.

Acara menarik antaranya Graduate Employability Enhancement Series, Maybank Go Ahead Challenge, Resume Review, Career Personality Test, Interview, Vote, Share & Win, Kahoot Explorace, Public lecture, Career Talk, dan Snap & Win.

Turut serta dalam Career Fair itu ialah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dan UiTM Permatang Pauh.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.